



Kriteria pemimpin dan pola sokongan kepada parti politik di Dewan Undangan Negeri N56 Apas, Sabah

Junaidi Awang Besar

Program Geografi, Pusat Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Junaidi Awang Besar (email: jab@ukm.edu.my)

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis kriteria pemilihan pemimpin dan faktor sokongan kepada parti politik. Ciri-ciri pemilihan pemimpin dan sokongan kepada parti politik merupakan aspek penting dalam memastikan kelancaran pembangunan dan kestabilan politik di sesuatu kawasan. Kedua-dua aspek tersebut akan memastikan rakyat dapat hidup dengan aman dan selesa. Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Apas, Tawau merupakan kawasan yang terletak di bahagian selatan negeri Sabah yang merangkumi kawasan pekan, perkampungan tradisi serta taman perumahan. Data kajian ini diperoleh daripada 100 orang responden di samping perolehan maklumat sekunder yang dianalisis secara akademik. Dapatan kajian menunjukkan majoriti memilih pemimpin yang mempunyai karisma serta kepimpinan yang sentiasa mementingkan rakyat dalam semua hal tanpa mengira bangsa. Kemudian, kebanyakan responden menyokong Barisan Nasional kerana mengenang jasa atas segala bantuan yang telah diberikan selama ini. Faktor yang menyebabkan responden memilih PKR dan STAR kerana mereka ingin mencuba pemerintahan baru dan bagi responden yang memilih SAPP kerana parti ini dilihat berani memperjuangkan hak rakyat Sabah. Justeru, semua parti politik harus mengutamakan keperluan rakyat di samping mewujudkan suasana yang harmoni antara satu sama lain. Oleh itu penulisan makalah ini diharap dapat menjadi panduan kepada pemimpin dan parti politik agar dapat menghasilkan pemimpin yang betul-betul berjiwa dan mesra rakyat. Dasar perjuangan parti politik dan pembentukan polisi kerajaan juga perlu mengambil kira pandangan dan sensitiviti masyarakat agar rakyat dapat menjalani kehidupan dengan tenang, bahagia, sejahtera dan berkebakikan.

Kata kunci: hak rakyat, kestabilan politik, parti politik, pemimpin, sokongan, sumber rujukan maklumat politik

The elected leader's criteria and support to political parties in the Apas constituency, Sabah

Abstract

The purpose of this article is to analyze the selection criteria of leaders and the support factors of political parties. The selection of leaders and support to political parties is an important aspect in ensuring the smooth development and political stability of a particular region. Both aspects will ensure that people can live safely and comfortably. The state constituency of Apas, Tawau is an area located in the southern part of Sabah which includes towns, traditional villages and residential housing. The data were obtained from 100 respondents as well as secondary information from journal articles, seminar papers and academic books which were then analyzed. The findings show that majority of respondents in this area choose leaders who have charisma and leadership that cares for the people in all aspects regardless of race. Most of the respondents who supported the Barisan Nasional voted to repay them of all the assistance that had been given so far. The factors that caused the respondents to choose PKR and STAR is attributed to the fact that they wanted to try new governance and for respondents who chose SAPP is due to the party was seen to champion the rights of the people of Sabah. Hence, all political parties must prioritize the needs of the people as well as creates a harmonious atmosphere for each other. Therefore, the results of this paper will provide guidelines to the leaders and political parties in order to produce leaders who are truly spirit-conscious and friendly. The policy of the political party and the formulation of government policies should also take into account the views and sensitivity of the people so that the people can lead a calm, happy, prosperous and welfare life.

Keywords: people's rights, political stability, political parties, leaders, support, political information sources

Pengenalan

Pemimpin dan parti politik merupakan aspek yang penting dalam menentukan halatuju dan pembangunan sesuatu kawasan. Pemimpin yang mengutamakan rakyat serta bervisi jauh akan menentukan halatuju dan pendirian parti. Pemimpin dan parti politik mempunyai dinamika yang tersendiri bergantung kepada senario atau isu semasa serta trend sokongan pengundi dalam sesuatu pilihan raya. Kejayaan dan jatuh bangun seseorang pemimpin dan parti politik bergantung kepada kuasa rakyat yang mampu menaikkan dan menjatuhkan seseorang pemimpin dan parti politik.

Politik negeri Sabah amat menarik untuk dikaji kerana mengalami dinamika politik dan pemerintahan yang bersilih ganti serta mengalami aktiviti politik yang 'lompat parti' yang rumit. Selain itu, sentimen politik pembangunan juga masih menebal di negeri ini disebabkan faktor geografi serta kemudahan logistik yang masih terbatas terutamanya di kawasan luar bandar. Oleh itu, pemimpin serta parti yang berpengalaman dalam memerintah serta mempunyai akar umbi yang kukuh akan disokong oleh pengundi di negeri ini. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis kriteria pemilihan pemimpin dan faktor pemilihan parti politik di kawasan DUN Apas, Tawau, Sabah.

Kajian literatur

Kebanyakan kajian yang dilakukan sebelum ini menunjukkan bahawa isu pembangunan sangat kritikal kepada kejayaan parti pemerintah memenangi PRU dan PRK di Sabah. Sualim (1980) dalam kajiannya mendapati semasa pilihan raya diadakan rakyat menilai pembangunan sosioekonomi Sabah sejak sebelum PRU 1976. Isu pembangunan dijadikan modal politik yang berkesan untuk meraih undi dalam PRU 1976. Mohamad Said (1982) mengkaji politik Sabah dalam tempoh 1975-1982 dan mendapati bahawa keterlibatan Kerajaan Persekutuan (BN) dalam politik dan pemerintahan di Sabah mempunyai kesan dan pengaruh dalam menentukan kemenangan serta pengekalan kuasa parti politik di Sabah. Arnold (2008) mendapati BN terus kukuh di Sabah walaupun 'tsunami politik' melanda PRU 2008 disebabkan faktor kenegerian dan lokasi geografi iaitu ketersampaian yang terhad seterusnya mengukuhkan sentimen 'politik pembangunan' yang menjadi tunjang kempen BN.

Selepas Pilihan Raya Umum ke-12 yang berlangsung pada tahun 2008 ternyata hegemoni Barisan Nasional yang selama ini tidak tercabar telah mula diruntuhkan apabila kehilangan banyak kerusi kepada pembangkang dan 2/3 Dewan Parlimen. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Zaini et al. (2016) dalam mengukuhkan kuasa Barisan Nasional di Sabah bagi meningkatkan sokongan parti dalam PRU-13, beliau mempengaruhi kelangsungan hegemoni BN di Sabah. Kajian menunjukkan BN lebih mendekati golongan belia di Sabah selepas PRU-12 bagi menandingi pendekatan yang dilakukan oleh PR dalam menghayati aspirasi generasi muda. Isu yang mendasari perjuangan parti turut menjadi perhatian golongan belia di Sabah. Asmady dan Suzalie (2014) menyatakan kelangsungan hegemoni di Sabah disebabkan oleh Barisan Nasional telah menjadikan tema pembangunan berterusan sebagai intipati dalam manifestonya dalam PRU13. Tema ini dianggap bersesuaian kerana menepati keperluan negeri Sabah dan rakyatnya.

Pola pengundian berdasarkan komposisi etnik menunjukkan kaum Dusun mempunyai jumlah yang lebih besar dan pengaruh etnik yang lebih banyak berbanding dengan etnik-etnik yang lain kerana mempunyai sekurang-kurangnya tiga parti politik yang mempunyai keahlian dominan. Berdasarkan Mohd Hamdan dan Mahat Jamal (2014), isu agama merupakan yang dijadikan alat politik di Sabah dan pemimpin Barisan Nasional pada peringkat pusat percaya peningkatan masyarakat Islam di Sabah penting untuk kelangsungan dan penguasaan BN di Sabah terutamanya di Malaysia.

Zaini (2016) dalam artikel bab dalam buku yang bertajuk 'Barisan Nasional dan penghakisan politik parokial di Sabah' menyatakan bahawa keputusan PRU-13 pada tahun 2013 Sabah yang baru lalu jelas menunjukkan bahawa, disebalik keupayaan Barisan Nasional mengekalkan dominasi politik di negeri tersebut, analisis secara non-mekanikal jelas menunjukkan bahawa tingkah laku pengundi Sabah secara evolusi sosiologis berubah kepada satu sifat tingkah laku politik diluar daripada batasan atau kawalan minda politik yang bersifat parokialisme. Junaidi et al. (2012a & 2012b) dalam kajian PRK Parlimen Batu Sapi, Sabah mendapati bahawa pola pengundian menunjukkan pengundi Bumiputera Islam cenderung dipengaruhi oleh sentimen politik pembangunan; manakala pengundi Cina cenderung sama ada kepada PKR yang bergantung kepada sentimen politik nasional (tsunami politik PRU 2008) atau SAPP yang popular sebagai bekas Ketua Menteri Sabah yang memperjuangkan isu kenegerian "Sabah untuk rakyat Sabah". Arnold dan Tony (2011) dalam kajian politik Parti Keadilan Rakyat (PKR) di Sabah menyarankan supaya PKR 'menstruktur' semula parti tersebut di Sabah agar dapat membela hak rakyat Sabah seterusnya bersifat 'kenegerian' Sabah supaya dapat lebih

diterima seterusnya dapat menyaingi parti-parti lokal lain seperti PBS, UPKO, PDS dan PBRs. Joseph (2012) dalam kajian tentang PRK Parlimen Batu Sapi menyatakan kemenangan calon Barisan Nasional (Linda Tsen) dibantu oleh sokongan pengundi Bajau yang merupakan penyokong setia Ketua Menteri Sabah (Dato' Sri Musa Aman iaitu ADUN Sungai Sibuga).

Bagi Asrhab (2003) kesedaran politik sesetengah etnik di Sabah lebih ketara ketika parti yang berlandaskan etnik tersebut berkuasa. Misalnya dalam kalangan etnik Bajau sokongan mereka kepada parti USNO adalah tinggi semasa parti tersebut berkuasa. Zaini et al. (2011) melalui kajian beliau tentang PRK Batu Sapi mendapati isu pembangunan terus menjadi pertimbangan utama pilihan politik pengundi di kawasan tersebut. Para pengundi kelihatan sudah cukup selesa dengan pemerintahan gaya BN justeru mereka terus mengekalkan hegemoni politik BN di kawasan Pantai Timur Sabah tersebut. Bagaimanapun, tidak dinafikan faktor lain seperti kekuatan jentera parti, penyokong setia dan tegar, BN sebagai parti pemerintah di Sabah serta undi simpati terhadap calon BN turut menyumbang kepada kemenangan selesa BN di Sabah (Chiok 2011).

Dari segi pengundian, Tay (1993) mendapati peratusan keluar mengundi adalah lebih tinggi di kawasan luar bandar berbanding bandar. Pengaruh sosioekonomi mempunyai kesan yang sama terhadap tingkah laku pengundi kecuali jantina. Turut ditemui, kriteria keperibadian calon menjadi satu pertimbangan yang penting bagi pengundi di luar bandar. Strategi BN membawa UMNO ke Sabah dan tindakan Kerajaan Pusat (BN) memperbanyakkan projek pembangunan di Sabah telah mengukuhkan sokongan rakyat kepada BN seterusnya menanam sentimen 'politik pembangunan' dalam pemikiran politik pengundi di Sabah (Loh 1996). Ini diikuti dengan pengenalan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah setiap dua tahun bagi setiap parti komponen BN mengikut kaum dikatakan merupakan strategi berkesan BN untuk mengukuhkan perpaduan kaum seterusnya memperkuatkan hegemoni politik BN di Sabah (Moten 1999). Rusman (2003) pula mendapati hubungan antara penyertaan politik dengan tahap pembangunan ekonomi di Kota Kinabalu adalah tinggi. Mat Zin dan Worrn (2008) menyatakan bahawa kemenangan BN di Sabah dalam PRU-12, 2008 menyebabkan BN Sabah berjaya mendapat beberapa perkara yang mereka tuntutan terutama yang berkaitan pembangunan negeri. Jumlah kerusi Parlimen Sabah yang dimenangi BN dijadikan alasan bahawa Sabah menjadi penyelamat seterusnya 'simpanan tetap' kepada BN pusat.

Junaidi et al. (2015) dalam analisis geografi pilihan raya di kawasan Parlimen Titiwangsa mendapati bahawa kemenangan BN di kawasan tersebut disebabkan oleh komposisi etnik campurannya serta pertambahan pemilih dan isu semasa di peringkat setempat dan nasional yang memihak kepada BN. Junaidi (2016) mendapati kawasan Parlimen Bagan Serai merupakan kawasan luar bandar yang dihuni majoriti Melayu terutamanya berketurunan Banjar yang berasal daripada Indonesia mempunyai sokongan kepada BN dan PAS/PKR yang seimbang, namun kedua-dua parti politik tersebut mempunyai penyokong atau kubu kuat di kawasan Daerah Mengundi tertentu iaitu BN di Alor Pongsu, Matang Gerdu, Changkat Lobak, Parit Simpang Lima, Kedai Dua, Pandak Puteh, Kubu Gajah, Kota Bandung, Telok Medan, Jalan Gula, Kampong Dew, Matang Jelutong dan Pondok Tanjong Barat manakala PAS/PKR di Mesjid Tinggi, Parit Gabis, Jalan Baharu, Parit Haji Amin, Gunong Semanggol dan Parit Haji Taib.

Junaidi (2017a) mendapati dari segi tingkah laku pengundian di kawasan Parlimen Pasir Mas menunjukkan bahawa pendekatan teori pilihan rasional lebih dominan berbanding teori identifikasi parti dan model sosiologi. Ini menunjukkan bahawa pengundi di Parlimen Pasir Mas lebih mengutamakan kepentingan kepada kehidupan mereka terutama yang berkaitan dengan ekonomi, kebajikan, pembangunan dan kemudahan awam terutama bagi pengundi muda. Junaidi

(2017b) dalam kajian “Geografi Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang: Analisis Prestasi MCA dan DAP dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2013” mendapati faktor sokongan etnik Cina kepada parti politik lebih bersifat universal iaitu mementingkan isu nasional seperti isu rasuah, keadilan dan ketelusan berbanding isu lokal/setempat. Mereka juga bersifat ‘berani berubah’ secara total atau disebut sebagai ‘tsunami politik’ dengan memecah tembok ‘status quo’ BN.


Junaidi et al. (2017) dalam kajian PRK DUN Tanjung Datu, Sarawak mendapati pengaruh politik pembangunan dan faktor Tok Nan menjadi pemangkin kepada kemenangan besar BN-PBB dalam PRK tersebut. Pengundi di DUN Tanjung Datu lebih yakin dan percaya kepada BN yang mempunyai pengalaman dan jentera akar umbi yang kuat sejak sekian lama yang dapat merealisasikan keperluan dan kesejahteraan mereka untuk hidup dengan selesa dan aman sejahtera di bumi ‘kenyalang’ ini.

Junaidi (2018) dalam kajian PRK DUN Pengkalan Kubor mendapati bahawa keputusan PRK DUN Pengkalan Kubor ini memberi impak besar kepada UMNO yang mewakili BN dan PAS yang mewakili Pakatan Rakyat. Keyakinan dan penerimaan rakyat terhadap UMNO ini menjadikan ia terus kekal sebagai kubu kuat bagi BN. Melalui strategi kempen dari rumah ke rumah membawa impak besar dalam PRK ini. BN hanya gagal menguasai tiga daerah mengundi dalam PRK ini. Kejayaan BN ini menunjukkan BN harus untuk mengekalkan momentum kemenangan agar mereka tidak hanya menjadi jaguh dalam PRK malahan berusaha untuk menguasai DUN di Kelantan pada PRU-14.

Metod dan kawasan kajian

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik di lapangan dan rujukan sumber sekunder. Bagi soal selidik di lapangan, seramai 100 orang responden atau pengundi bagi semua peringkat umur telah diberikan borang soal selidik untuk mendapatkan pandangan di kawasan kajian iaitu di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Apas, Sabah. Rasional pemilihan 100 orang responden adalah berdasarkan kepada Sekaran (2003) iaitu saiz persampelan yang sesuai adalah di antara 31 hingga 500 orang. Bagi rujukan sumber sekunder pula merujuk kepada kajian kepustakaan iaitu merupakan suatu kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mengumpulkan segala maklumat berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Segala informasi mengenai tajuk penyelidikan ini diperoleh melalui sumber seperti buku ilmiah, sumber-sumber bertulis yang diiktiraf, surat khabar, majalah, artikel dan juga laporan tahunan rasmi, dan juga jurnal-jurnal yang berkaitan dengan tajuk. Kemudian, untuk menganalisis data yang telah diperoleh daripada borang soal selidik, perisian SPSS digunakan dan data tersebut akan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah dengan disokong oleh data sekunder yang sesuai.

Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Apas terletak dalam kawasan Parlimen Tawau, Sabah iaitu selatan negeri Sabah (Lihat Rajah 1, Peta kawasan Parlimen Tawau, termasuk kawasan DUN Apas). Kawasan DUN ini merangkumi kawasan Bandar Tawau, perkampungan tradisi dan taman-taman perumahan. Bagi persempadanan 2003, DUN Apas (N.56), terdiri daripada kawasan Daerah Mengundi Tawau Lama dengan jumlah 5720 pengundi berdaftar, Tinagat seramai 2380 pengundi berdaftar, Apas pula seramai 1813 pengundi dan Wakuba seramai 1514 pengundi yang telah berdaftar dan ini menunjukkan jumlah pengundi yang berdaftar untuk persempadanan baharu adalah berjumlah 11,254 pengundi.



Sumber: Diubahsuai daripada Pelan Warta (PW) Parlimen Tawau, Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah, Kota Kinabalu, 2016.

Rajah 1. Peta kawasan daerah mengundi dalam Parlimen Tawau dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Apas, Sabah

Bagi persempadanan 2003, DUN Sri Tanjong telah dipecahkan kawasan dan mewujudkan kawasan baru iaitu DUN Apas (N.56), dimana kawasan daerah mengundi adalah terdiri daripada Tawau Lama dengan jumlah 5720 pengundi berdaftar, Tinagat seramai 2380 pengundi berdaftar, Apas pula seramai 1,813 pengundi dan Wakuba seramai 1514 pengundi yang telah berdaftar dan ini menunjukkan jumlah pengundi yang berdaftar untuk persempadanan baharu adalah berjumlah 11,254 pengundi.

Selanjutnya untuk persempadanan 2016 untuk DUN Apas (N.68) berlakunya penukaran kod dimana sebelum ini adalah N.56 dan belum digunapakai lagi untuk mana-mana pilihan raya. Hal ini demikian kerana persempadanan semula baru sahaja dilakukan atau dicadangkan. Oleh itu, DUN ini merangkumi kawasan mengundi seperti Tawau Lama yang mempunyai bilangan pengundi berdaftar seramai 1784 pengundi, Tinagat seramai 3454 pengundi yang berdaftar, 1985 pengundi yang telah berdaftar di kawasan Apas, Wakuba pula seramai 1224 pengundi, kawasan Titingan seramai 4609 pengundi berdaftar, Inderasabah pula seramai 691 pengundi serta Batu 4 seramai 3156 pengundi. Ini membawa kepada jumlah keseluruhan pengundi berdaftar untuk kawasan DUN Apas kepada 16,903 pengundi. Seterusnya, persempadanan semula ketika tempoh

pameran dan bantahan dilakukan pada tahun 2017, untuk kawasan N.68 Apas tiada sebarang perubahan yang dilakukan, dimana kawasan dan jumlah pengundi adalah sama.

Jumlah pemilih paling tinggi yang pernah dicatatkan di DUN Apas adalah pada tahun 2013 iaitu sebanyak 15,837 orang. Peratusan etnik Bumiputera Islam yang paling tinggi pula adalah pada tahun 2008 iaitu 72.14 peratus. Etnik Cina pula menunjukkan peratusan tertinggi pada tahun 2008 iaitu sebanyak 23.95 peratus. Etnik-etnik lain yang paling tinggi pula ialah pada tahun 2013 iaitu sebanyak 16.03 peratus (Jadual 1).

Jadual 1. Komposisi etnik mengikut Pilihan Raya Umum 2004, 2008 dan 2013 di DUN N.56 Apas, Sabah

Tahun	Kawasan (DUN)	Etnik (%)				Jumlah (orang)
		Bumiputera Islam	Bumiputera bukan Islam	Cina	Lain-lain	
2004	N.56 Apas	70.32	7.21	9.94	1.41	11,686
2008	N.56 Apas	72.14	3.32	23.95	0.59	12,006
2013	N56. Apas	57.25	3.0	23.45	16.3	15,837

Sumber: Diubahsuai daripada Berita Harian, 2004; MASSA, 2004; Dewan Masyarakat, 2008; Berita Harian, 2013; New Straits Times, 2013; Dewan Masyarakat, 2013.

Pada Pilihan Raya Umum 2013 di N56 Apas, BN masih melalui penyandang PRU lepas iaitu Datuk Tawfiq Bin Abu Bakar Titingan menang dengan memperoleh 9013 undi menewaskan calon PKR iaitu Alizaman bin Jijurahman (2,891 undi) dan SAPP melalui Tahir bin Dahu dengan memperoleh 149 undi serta STAR melalui Chok Yit Min dengan 75 undi sahaja. Maka dalam pilihan raya ini, BN telah menang dengan majoriti 6122 undi dan peratusan mengundi sebanyak 78.80 peratus.

Hasil kajian dan perbincangan

Kriteria pemimpin yang disokong

Dalam konteks politik, pemimpin haruslah mempunyai kriteria-kriteria pemimpin untuk memimpin negara pada masa akan datang dengan lebih baik. Oleh itu, calon merupakan satu aspek yang sangat penting dalam proses pilihan raya di Malaysia agar masyarakat dapat memilih dan menilai calon mana yang layak untuk memimpin negara pada pilihan raya seterusnya.

Jadual 2. Kriteria pemimpin yang disokong

Kriteria pemimpin yang disokong	Peratus (%)
Berkarisma atau mempunyai ketokohan	29.0
Bersikap jujur, ikhlas dan amanah	21.0
Mengutamakan perpaduan kaum dan agama	12.0
Bersih dari rasuah	8.0
Berlaku adil pada semua pihak	7.0
Berpengetahuan agama yang mendalam	6.0
Mempunyai prinsip perjuangan yang teguh	5.0
Patuh pada parti yang didokong	5.0

Berjiwa/mesra rakyat dan selalu turun padang	5.0
Mempunyai kelayakan akademik yang tinggi (berijazah)	2.0

Berdasarkan kepada Jadual 2, 29.0 peratus responden memilih pemimpin yang mempunyai kriteria berkarisma atau mempunyai ketokohan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Apas. Menurut kepada responden yang telah disoal selidik, mereka menyatakan bahawa Datuk Taufik Abu Bakar Titingan merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Apas bahagian Tawau mempunyai kriteria kepimpinan yang berkarisma serta mempunyai ketokohan. Di samping itu juga, beliau mempunyai kriteria berjiwa atau mera rakyat dan selalu turun padang. Datuk Taufik Abu Bakar Titingan ini selalu turun padang untuk memberi pandangan tentang isu-isu semasa yang berlaku sama ada pada peringkat nasional dan DUN sendiri lagi. Tambahan lagi beliau sering turun padang untuk memberi bantuan kepada penduduk di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Apas. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian oleh Junaidi et al. (2017) dalam kajian PRK DUN Tanjong Datu, Sarawak yang mendapati faktor ketokohan dan mesra rakyat oleh Allahyarham Datuk Adenan Satem atau Tok Nan menjadi pemangkin berterusan kepada kemenangan besar calon BN-PBB dalam PRK tersebut meskipun beliau telah meninggal dunia.

Faktor sokongan kepada Barisan Nasional (BN)

Menurut Nohlen dan Hartmann (2001), pilihan raya di Malaysia tidak kompetatif dari segi keputusan pilihan raya kerana setiap pilihan raya diadakan parti yang sama akan menang iaitu BN tanpa mendapat tentangan yang sengit daripada parti-parti lain. Hal ini demikian kerana kaum yang beragama Islam dan yang terdiri daripada masyarakat Melayu kebiasaannya akan menyokong BN pada pilihan raya yang diadakan. Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, terdapat banyak faktor yang mendorong masyarakat Malaysia untuk mengundi dan menyokong BN semasa pilihan raya.

Jadual 3. Faktor sokongan pengundi terhadap Barisan Nasional (BN)

Faktor sokongan	Ya (peratus)
Mengenang jasa	24.0
Lain-lain	16.0
Berpengalaman	14.0
Terbuka/serdana	11.0
Janji ditepati	9.0
Kepimpinan yang berpandangan jauh	9.0
Mesra Rakyat	7.0
Sesuai dengan masyarakat majmuk	6.0
Progresif/pejuang kemajuan	4.0

Jadual 3 menunjukkan peratusan yang paling tinggi adalah faktor mengenang jasa iaitu 24.0 peratus. Hal ini disebabkan oleh rakyat perlu mengenang jasa pemimpin yang telah memimpin negara dengan baik serta menjalankan pembangunan untuk kesejahteraan rakyat di kawasan ini. Hal ini dapat dibuktikan pemimpin sebelum ini daripada pimpinan BN iaitu Dr. Mahathir Muhammad sendiri telah melaksanakan pembangunan dan secara tidak langsung telah meningkatkan ekonomi dunia, kemudian legasi pembangunan ini disambung oleh Dato' Seri Najib apabila beliau telah melakukan transformasi kepada rakyat Malaysia. Sebagai contoh, pemberian BR1M kepada golongan yang berpendapatan rendah iaitu kurang daripada RM 3,000

untuk membantu sedikit sebanyak kos sara hidup yang semakin meningkat pada ketika ini. Oleh itu, mereka memilih BN disebabkan sebagai tanda mengenang jasa terhadap kemajuan dan kemudahan yang telah diberikan untuk kesejahteraan rakyat. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Asmady dan Suzalie (2014) yang menyatakan bahawa kelangsungan hegemoni di Sabah disebabkan oleh Barisan Nasional telah menjadikan tema pembangunan berterusan sebagai intipati dalam manifestonya dalam PRU-13. Ini menghasilkan rasa terhutang budi pengundi di Sabah terhadap Kerajaan BN Sabah seterusnya menjadi alasan kukuh kepada mereka untuk terus menyokong BN dalam PRU-13 tersebut

Faktor sokongan kepada Pakatan Harapan-PCR

Berdasarkan kepada Jadual 4, peratusan yang paling tinggi adalah faktor ingin mencuba pemerintahan baru iaitu 43.0 peratus. Mereka berpendapat bahawa sudah lama BN memerintah di kawasan ini maka sudah tiba masanya mereka mencuba tampuk kepimpinan yang baru iaitu dengan memilih PCR. Tambahan pula, dengan keadaan ekonomi pada masa kini lagu membuatkan rakyat di kawasan ini ingin memilih PCR dengan harapan apabila mereka memerintah ekonomi dapat distabilkan. Di samping itu, harga barang berada pada tahap yang baik dan berpatutan.

Jadual 4. Faktor sokongan pengundi terhadap Pakatan Harapan-PCR

Faktor sokongan	Ya (peratus)
Ingin mencuba pemerintahan baru	43.0
Janji yang ditawarkan	14.0
Adil	12.0
Kepimpinan Anwar	11.0
Telus	6.0
Tidak perkauman	4.0
Lain-lain	10.0

Selanjutnya, faktor yang menyebabkan rakyat menyokong PCR adalah faktor mengenai janji yang telah ditawarkan oleh Dato' Sri Anwar Ibrahim sebelum pilihan raya diadakan. Hal ini dapat kita lihat antara janji-janji beliau adalah seperti pinjaman PTPTN dijadikan sebagai biasiswa, pendidikan secara percuma diberikan kepada rakyat, kos sara hidup dikurangkan selaras dengan peningkatan yang berlaku dan memberi beberapa perkara yang percuma serta penurunan harga barang secara berperingkat. Maka selaras kepada janji yang ditawarkan dengan keadaan ekonomi dan kos sara hidup yang kian meningkat pada masa kini, maka janji yang ditawarkan merupakan salah satu faktor yang menyebabkan penduduk di kawasan ini memilih PCR untuk memimpin kawasan ini pada masa akan datang. Dapatan kajian ini bertepatan dengan hasil kajian oleh Junaidi (2017b) dalam kajian "Geografi Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang: Analisis Prestasi MCA dan DAP dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2013" yang menjelaskan bahawa faktor sokongan etnik Cina kepada parti politik lebih bersifat 'berani berubah' secara total atau disebut sebagai 'tsunami politik' dengan memecah tembok 'status quo' BN.

Faktor sokongan kepada Parti Maju Sabah (SAPP)

Merujuk kepada Jadual 5, rakyat menyokong SAPP adalah disebabkan oleh faktor parti ini berani memperjuangkan hak rakyat Sabah iaitu 37.0 peratus. Hal ini dapat dilihat apabila SAPP

telah keluar daripada gabungan BN untuk memperjuangkan hak rakyat Sabah. SAPP keluar daripada BN apabila BN tidak memberi perhatian dengan serius tentang masalah rakyat Sabah. Antara isu-isu yang diperjuangkan berkaitan dengan hak rakyat Sabah adalah berkaitan dengan isu kemiskinan yang berlaku disebabkan oleh pembangunan yang tidak seimbang di kawasan ini. Tambahan lagi, faktor geografi dan keluasan negeri Sabah yang besar berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia lebih maju daripada Sabah, walaupun Sabah mempunyai sumber yang banyak berbanding dengan negeri-negeri lain. Maka dengan kewujudan perkara ini, SAPP telah bangkit untuk memperjuangkan hak rakyat Sabah untuk mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Sabah dengan menggunakan sumber-sumber yang sedia ada. Tambahan lagi Sabah juga dapat menikmati pembangunan yang memuaskan dari segi kemudahan awam, infrastruktur dan sebagainya.

Jadual 5. Faktor sokongan pengundi terhadap SAPP

Faktor sokongan	Ya (peratus)
Berani memperjuangkan hak rakyat Sabah	37.0
Ingin mencuba pemerintahan baru	30.0
Tegas	8.0
Adil	8.0
Berprinsip	5.0
Lain-lain	4.0
Pejuang kemajuan	3.0
Kerap turun padang	3.0
Janji yang ditawarkan	2.0

Seterusnya, 30.0 peratus responden pula adalah ingin mencuba pemerintahan baru. Hal ini demikian kerana, mereka mengatakan bahawa SAPP ini dilihat mampu memperjuangkan hak rakyat Sabah jika diberi peluang untuk memerintah kawasan ini. Oleh itu, secara tidak langsung dengan janji-janji yang mereka tawarkan maka rakyat ingin mencuba pemerintahan SAPP ini sama ada adakah ianya mampu memperjuangkan hak rakyat Sabah seperti yang digembargemburkan ataupun sebaliknya. Dapatan ini selaras dengan kajian oleh Junaidi et al. (2012a & 2012b) dalam hasil kajian PRK Parlimen Batu Sapi, Sabah iaitu pola pengundian pengundi Sabah antaranya bergantung kepada sentimen yang dimainkan oleh SAPP yang memperjuangkan isu kenegerian “Sabah untuk rakyat Sabah”.

Faktor sokongan kepada Parti Reformasi Negeri (STAR)

Berdasarkan kepada Jadual 6, faktor sokongan pengundi terhadap STAR adalah kerana rakyat Sabah menginginkan pemerintahan yang baru. Hal ini demikian kerana STAR dilihat mampu untuk melakukan reformasi terhadap sistem pemerintahan, sistem penyampaian dan dasar-dasar kerajaan supaya lebih telus dan mesra rakyat. STAR juga dilihat sebagai parti yang memperjuangkan hak rakyat Sabah untuk menikmati pembangunan yang lebih baik setanding dengan pembangunan di Semenanjung Malaysia. Justeru atas faktor inilah yang menjadikan terdapat sebahagian pengundi memilih parti ini untuk memerintah negeri Sabah. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Junaidi et al. (2012a & 2012b) dalam kajian PRK Parlimen Batu Sapi, Sabah bahawa terdapat sebahagian pengundi menyokong parti politik kerana dasar perjuangan sesuatu parti politik tersebut yang memperjuangkan isu kenegerian “Sabah untuk rakyat Sabah”.

Jadual 6: Faktor sokongan pengundi terhadap STAR

Faktor sokongan	Ya (peratus)
Ingin mencuba pemerintahan baru	35.0
Berani memperjuangkan hak rakyat Sabah	34.0
Adil	7.0
Tegas	6.0
Pejuang kemajuan	6.0
Lain-lain	6.0
Janji yang ditawarkan	4.0
Berprinsip	1.0
Kerap turun padang	1.0

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, responden lebih memilih pemimpin yang mempunyai karisma dan ketokohan serta kepimpinan yang sentiasa mengutamakan rakyat dalam semua hal tanpa mengira bangsa. Kemudian, majoriti responden di kawasan ini menyokong Barisan Nasional kerana mengenang jasa atas segala bantuan yang telah diberikan selama pemerintahan yang berpuluh-puluh tahun. Faktor yang menyebabkan responden memilih PKR dan STAR kerana mereka ingin mencuba pemerintahan baru dan bagi responden yang memilih SAPP kerana parti ini dilihat berani memperjuangkan hak rakyat Sabah. Pengundi khususnya di Sabah pastinya memilih pemimpin dan parti yang dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk mereka sama ada dari segi pembangunan sosioekonomi mahupun pembangunan politik kenegaraan. Justeru, pemimpin dan parti politik perlu peka terhadap inspirasi rakyat yang kini mempunyai akses maklumat yang lebih baik berbanding sebelum ini. Pemimpin dan parti politik haruslah mengutamakan kepentingan rakyat terlebih dahulu berbanding kepentingan mereka agar rakyat terus percaya dan menyanjung sistem politik dan pemerintahan di Sabah seterusnya di negara Malaysia ini.

Kini, rakyat adalah 'raja demokrasi' kerana rakyat dapat menaikkan dan dapat menurunkan pemimpin atau parti politik. Kuasa politik rakyat terletak pada kuasa memilih rakyat itu sendiri. Sumber maklumat yang kini lebih dominan melalui media sosial adalah semakin banyak dan hanya diujung jari dapat membentuk persepsi dan sentiment yang boleh mengekal atau mengubah pemimpin dan kerajaan. Rakyat dapat mengetahui isu dan permasalahan sepantas mungkin dan tidak boleh diselindung dan diputar belit lagi. Oleh itu, pemimpin dan parti politik perlu memastikan kehendak rakyat lebih diutamakan berbanding kehendak diri dan parti. Oleh itu, semua pihak perlu matang dan rasional dalam mendepani isu dan permasalahan agar senario sosioekonomi dan sosiopolitik lebih baik dan mengutamakan kebajikan dan kehendak rakyat.

Penghargaan

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM kerana memberi sokongan padu kepada saya dalam usaha menjalankan penyelidikan ini dan menggalakkan usaha penerbitan artikel jurnal ini.

Rujukan

- Arnold Puyok & Tony Paridi Bagang. (2011). Parti Keadilan Rakyat's (PKR) foray into Sabah politics: One step forward in 2004 and two steps backwards in 2010. *Conference On Elections And Democracy In Malaysia*. Department of Politics and International Relations, Faculty of Social Sciences, Universiti Malaysia Sarawak. 9-10 November.
- Arnold Puyok. (2008). The 2008 Malaysian general elections in Sabah: Looking beyond the "Peninsular Factor". In: Worrnan Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib, Abdul Kadir Rosline. *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Asmady Idris, & Suzalie Mohamad. (2014). Kelangsungan dominasi Barisan Nasional di Sabah dalam Pilihan Raya Umum Ke-13. *Kajian Malaysia*, 32(2). Pulau Pinang, Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Asrhab Jan. (2003). *Politik komuniti Bajau dalam politik Sabah*. Retrieved from Program Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chiok Phaik Fern. (2011). Repositioning of opposition front and ruling coalition in the aftermath of Malaysian general election 2008: A study on the by-election results and the political issues involved. *Conference on elections and democracy in Malaysia*. Department of Politics and International Relations, Faculty of Social Sciences, Universiti Malaysia Sarawak. 9-10 November.
- Junaidi Awang Besar. (2016). Analisis geografi pilihan raya, sosiopolitik dan sosiobudaya di kawasan Parlimen Bagan Serai, Negeri Perak Darul Ridzuan, Malaysia. *The 2016 Konferensi Internasional Budaya Melayu*. Anjuran Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Jambi (UNJA), Sumatera, Indonesia. Kampus UNJA Pasar, Jambi, Sumatera, Indonesia. 26-27 Oktober.
- Junaidi Awang Besar (2017a). Tingkah laku pengundi dan pilihan politik di kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 13(3), 97-111.
- Junaidi Awang Besar. (2017b). Geografi pilihan raya negeri Pulau Pinang: Analisis prestasi MCA dan DAP dalam pilihan raya umum (PRU) 2013. *Geografi*, 5(1), 12-25.
- Junaidi Awang Besar. (2018). Pola pengundian etnik melayu dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor, Kelantan. In. Amer Saifude Ghazali, Zulkanain Abdul Rahman, & Rosmadi Fauzi (Eds.). *Merentasi sempadan yang melewati zaman: Kumpulan esei sempena persaraan Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman*. Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, & Novel Lyndon. (2012a). Pengaruh populariti calon, sentimen nasional dan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) P185 Batu Sapi, Sabah. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 8(8), 23-34.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, & Mohd Fuad Mat Jali. (2012b). Pilihan Raya Kecil (PRK) P185 Batu Sapi, Sabah: antara populariti, sentimen dan realiti dalam mempengaruhi pola pengundian. *International Conference on Social Sciences and Humanities (ICOSH) 2012*. Anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia. 12-13 Disember.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, & Amer Saifude Ghazali. (2015). Analisis geografi pilihan raya di kawasan Parlimen Titiwangsa, Kuala Lumpur dalam pilihan raya umum 1955-2013. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 11(2), 30-42.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon, Mohd Nizar Sudin & Mazlan Ali. (2017). Status quo sebagai 'kubu kuat' Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Kecil N03 Tanjong Datu, Sarawak. *International Journal of Law, Government and Communication*, 2 (6), 155-167.
- Loh Kok-Wah F. (1996). A 'new Sabah' and the spell of development: Resolving federal-state relations in Malaysia. *South East Asia Research*, 4(1), 63-83.
- Mat Zin Mat Kib, & Worrnan Hj. Kabul. (2008). Hubungan Kota Kinabalu-Kuala Lumpur pasca Pilihan Raya Umum ke-12. In. Worrnan Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib, Abdul Kadir Rosline (Eds). *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Sabah, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Mohamad Said Hinayat. (1982). *BN dan Politik Sabah sekitar 1975-1982: Satu kajian*. Retrieved from Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Hamdan Adnan & Mahat Jamal. (2014). PRU-13 Faktor-faktor penentuan kemenangan di Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 1, 55-76.
- Nohlen. D, Grotz, F., & Hartmann. (2001). *Elections in Asia and the Pacific: A data handbook*. Oxford, Oxford University Press.
- Rusman Motalib. (2003). *Penyertaan politik: Kajian kes masyarakat Kota Kinabalu, Sabah*. Retrieved from Program Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sekaran, Uma. (2003). *Research methods for business: A skill building approach*. New York, John Wiley and Sons Inc.
- Sualim Sanan. (1980). *Pilihan Raya Umum Negeri Sabah 1976: Satu analisa*. Retrieved from Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tay Shu Lan. (1993). *Tingkah laku pengundi Sabah: Satu kajian perbandingan di Kawasan DUN Api-Api dan Sipitang*. Retrieved from Jabatan Geografi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zaini Othman, Saat Awg Damit, & Eko Prayitno Joko. (2016). Belia dan kelangsungan hegemoni Barisan Nasional: Kajian kes PRU-13 di Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo edisi Khas konvokesyen ke-18 UMS*.
- Zaini Othman, Sabihah Osman, W. Shawaluddin W. Hassan, Aliakbar Gulasan, & Saat Awang Damit. (2011). Will elections make a difference? The case of the Batu Sapi by-election. *Conference on elections and democracy in Malaysia*. Department of Politics and International Relations, Faculty of Social Sciences, Universiti Malaysia Sarawak. 9-10 November.
- Zaini Othman. (2016). Barisan Nasional dan penghakisan politik parokial di Sabah. Dlm Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud. *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan politik baharu, kekentalan politik lama*. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.